

Potensi Akar Putra dikomersialkan

■ Tempoh pembesaran baka kacukan hibrid ayam kampung dan ayam hutan lebih singkat

Oleh Mahaizura Abd Malik

mahaizura@hmetro.com.my

Serdang

Hasil inovasi penyelidikan Universiti Putra Malaysia (UPM), baka kacukan hibrid antara ayam kampung dan ayam hutan yang dinamakan spesies Akar Putra diiktiraf kerajaan sebagai baka berpotensi untuk dikomersialkan.

Naib Canselornya Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan berkata, penyelidikan pembiakan kacukan Akar Putra yang bermula pada tahun 2005 dilakukan Penyelidik Jabatan Sains Hainan, Fakulti Pertanian Prof Madya Dr Azhar Kasim adalah contoh terbaik berkait rapat dengan slogan UPM iaitu pertanian, inovasi dan kehidupan.

"Inovasi baru ini mendapat perlindungan harta intelek menerusi perlindungan cap dagangan dan berjaya dikomersialkan oleh syarikat APC Natural Farm.

"Penemuan baka baru ini, mampu memberi nilai tambah kepada kegiatan komersial dalam bidang pertanian dan makanan sama ada untuk daging atau telur serta boleh menampung kekurangan ayam kampung di pasaran berikutnya permintaan tinggi masyarakat,"

FAKTA
Penemuan baka baru mampu beri tambah nilai dalam bidang pertanian dan makanan



RAIHAN (tiga dari kiri) melawat gerai pameran selepas pelancaran Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokeyen UPM.

katanya pada Majlis Perasmian Ekspo Pertanian dan Pesta Konvokeyen UPM ke-38 di Bukit Ekspo di sini, semalam.

Produk baru itu dilancarkan secara rasmi pada majlis berkenaan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Raihan Sharif.

Sementara itu, Dr Azhar yang juga pakar dalam pemakanan hainan dan analisis sistem berkata, hasil kacukan antara dua jenis ayam itu akan terus dikaji bagi

penambahbaikan dari segi saiz badan dan kadar pembesarannya.

"Selepas beberapa selangan generasi, ciri ekonomik dapat distabilkan seterusnya menghasilkan daging kental dan lazat.

"Lagi lewat disembelih, lagi enak rasa dagingnya, lebih-lebih lagi jika dipelihara secara lepas bebas supaya kekal aktif untuk mendapatkan ayam berotot dan kurang lemak."

"Tempoh pembesaran Akar Putra lebih cepat iaitu tidak melebihi 13 minggu berbanding ayam kampung biasa yang mengambil masa sehingga 20 minggu. Tempoh itu dapat menghasilkan ayam Akar

Putra seberat 1.2 hingga 1.4 kilogram seekor," katanya.

UPM mencatat sejarah sebagai institusi pengajian tinggi awam pertama Malaysia yang menerima sijil MyGAP pada majlis sama dalam pembangunan sektor ternakan bagi lembu tenusu serta lembu dan kambing pedaging secara mesra alam dan lestari.

MyGAP dilancarkan pada 28 Ogos 2013 adalah penjanaan semula Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM), Skim Amalan Ladang Ternakan (SALT) dan Skim Pensijilan Ladang Akuakultur Malaysia (SPLAM).